

04 JUL 1996
PM-Johor
PERDANA MENTERI LAWAT JOHOR

JOHOR BAHRU, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk lawatan dua hari ke Johor.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai kira-kira pukul 5.45 petang disambut Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Dr Mahathir dan isteri kemudian berkereta ke kediaman rasmi Menteri Besar di Saujana untuk majlis jamuan teh dan malam ini beliau menghadiri jamuan malam di tempat yang sama dengan dihadiri kira-kira 4,000 orang pemimpin dan anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri.

Pagi esok, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan UMNO Johor serta Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Johor di sebuah hotel terkemuka di sini.

Selepas itu, beliau akan menghadiri majlis taklimat di Bilik Tayangan Tun Hussein Onn di Bukit Timbalan. Taklimat itu ialah mengenai pembangunan semula Bandaraya Johor baharu, Projek Kota Raya II, pembangunan tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad serta pembangunan laluan kedua dan Bandar Nusajaya di Gelang Patah.

Kira-kira pukul 11.30 pagi, Dr Mahathir akan merasmikan perletakan batu asas dan menanam cerucuk projek "JB Waterfront City" di Selat Tebrau di sini yang bernilai RM6,000 juta yang dimajukan oleh Johor Coastal Development Sdn Bhd, anak syarikat Pilecon Engineering Bhd.

Perdana Menteri kemudian akan meninjau dari udara kemajuan pembinaan jambatan laluan kedua serta pelabuhan kedua di Gelang Patah.

Beliau akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Tampok, Pontian sebelum menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat di perkarangan masjid itu.

Dr Mahathir seterusnya ke Parit Betak, kira-kira tujuh minit perjalanan dengan kereta, untuk melancarkan program menaikkan taraf jalan-jalan kampung di Johor, yang dilaksanakan oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), anak syarikat kerajaan negeri.

Di situ, Perdana Menteri akan menunggang basikal sejauh satu kilometer melalui Jalan Parit Betak sebelum berkereta ke Sekolah Menengah Parit Betak untuk melancarkan Program Gerak Mesra peringkat negeri Johor.

Selepas pelancaran itu, Dr Mahathir balik ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA
MKO MH AHH